

FOTO: ASWADI ALIAS



PENDUDUK dari Kampung Binjai mengangkut barang keperluan untuk berpindah ke pusat pemindahan sementara di Sekolah Kebangsaan Chendering.

20 mangsa banjir pindah

■ Lima keluarga terjejas akibat hujan berterusan sejak malam kelmarin

Oleh Helmy Abd Rahman dan Zaid Salim
helmy@hmetro.com.my
Kuala Terengganu

Hujan berterusan di bandar raya ini sejak malam kelmarin, menyebabkan 20 daripada lima keluarga dari Kampung Chendering, di sini ditempatkan di pusat pemindahan selepas rumah mereka dinaiki air, semalam.

Majlis Keselamatan Negara (MKN) negeri dalam satu kenyataan, semalam memaklumkan, pusat pemindahan di Sekolah Kebangsaan Chendering di sini dibuka

bagi menempatkan semua mangsa, jam 4.30 petang.

"Seramai lapan orang lagi daripada satu keluarga, berpindah ke rumah keluarga terdekat di Kampung Pak Tuyu (di sini)," kata kenyataan itu.

Setakat jam 8 malam semalam, hanya satu pusat pemindahan dibuka di negeri ini.

Sementara itu, Pengerah Jabatan Keselamatan Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA), Ismail Ahmad berkata, kejadian banjir dalam kawasan universiti berkenaan berlaku setiap kali musim tengkujuh melanda negeri ini.

"Apa yang kami alami ini

hanyalah banjir kilat mem-babitkan blok asrama pelajar lelaki dan perempuan. Keadaan ini tidak mengganggu sebarang aktiviti pelajar.

"Kami tidak mampu berbuat apa-apa bagi mengatasi masalah ini kerana kawasan blok berkenaan laluan semula jadi air yang melimpah dari kawasan perumahan Gong Badak Fasa 1 dan 4 setiap kali hujan lebat," katanya ketika dihubungi Harian Metro, semalam.

Ismail berkata, banjir kilat itu mengakibatkan kawasan berkenaan terutama blok asrama perempuan digenangi air sehingga paras betis berikutan hujan lebat bermula jam 9 pagi, semalam.

"Keadaan pulih apabila hujan mulai reda jam 4 petang," katanya.

FAKTA
Blok asrama pelajar UNISZA turut terbabat banjir kilat